

**Najib Ucap Selamat Tahun Baharu Kepada Masyarakat Telugu
Bernama
30 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 30 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menyampaikan ucapan Selamat Tahun Baharu kepada masyarakat Telugu.

"Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan 'Ugadi Shubhakanshalu' kepada semua rakyat Malaysia dari kaum Telugu sempena Tahun Baharu Telugu," katanya di akaun Facebook.

Namun nasib 239 penumpang dan anak kapal pesawat Malaysia Airlines yang hilang masih menjadi ingatan Najib.

"Sementara mengalu-alukan menjelang tahun baharu, mari turut mengingati dan berdoa ke atas penumpang dan anak kapal pesawat Malaysia Airlines MH370 serta keluarga mereka," kata beliau.

Pesawat Boeing 777-200 yang menuju Beijing hilang daripada skrin radar kira-kira sejam selepas ia berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL pada 8 Mac.

Terdapat kira-kira 300,000 masyarakat Telugu, yang berasal dari negeri Andhra di India, di Malaysia.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1026220>